# IDEA PANDANG KE JEPUN DALAM AKHBAR DAN MAJALAH SEMASA PERANG DUNIA KEDUA

## *THE LOOK-TO-JAPAN IDEA IN NEWSPAPERS AND MAGAZINES DURING THE SECOND WORLD WAR*

Uqbah Iqbal
Nordin Hussin
Ahmad Ali Seman

**Abstrak**

Kajian ini akan menganalisis sejarah pemikiran Pandang Ke Jepun dalam akhbar dan majalah di Tanah Melayu semasa era pendudukan Jepun tahun 1941-1945. Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang diperolehi di perpustakaan dan Arkib Negara Malaysia. Pada masa ini bidang persuratkhabaran telah dikuasai oleh pentadbiran tentera Jepun atau *Malayan Military Administration* (MMA). Alat-alat sebaran am termasuklah akhbar dan majalah telah dijadikan alat propaganda oleh MMA. Tujuan utama mereka menguasai bidang persuratkhabaran adalah untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam peperangan. Melalui akhbar dan majalah juga pemerintah ingin mendapatkan kerjasama dari penduduk dalam segala rancangan yang dilaksanakan. Semasa pendudukan Jepun, walaupun bidang persuratkhabaran Tanah Melayu telah dijadikan alat propaganda oleh pentadbiran tentera Jepun, wujudnya suatu pemikiran Pandang Ke Jepun yang melihat nilai-nilai Jepun menerusi pelbagai akhbar dan majalah terutamanya *Malai Sinpo, Semangat Asia*, *Suara Timur* dan *Fajar Asia*. Kajian ini akan mengupas idea Pandang Ke Jepun yang diutarakan oleh golongan intelektual dan nasionalis Melayu melalui kesemua akhbar dan majalah ini. Dari aspek kemasyarakatan masyarakat Melayu, pemikiran Pandang Ke Jepun pada masa ini tertumpu kepada bidang sosio-politik, budaya dan ekonomi.

**Kata Kunci:** Fajar Asia, Malai Sinpo, Perang Dunia Kedua, Semangat Asia, Suara Timur

***Abstract***

*This study will analyze the Look-To-Japan idea in newspapers and magazines in Malaya during the Japanese occupation, 1941-1945. The method used in this study is based on the observation of the resources available at the library and the National Archives of Malaysia. During this time the field of journalism has been dominated by the Japanese administration or Malayan Military Administration (MMA). The mass media, including newspapers and magazines have been turned into a propaganda tool by the MMA. Their main purpose of dominating journalism is to get the people's support in the war. Through newspapers and magazines, the government also want to get the cooperation from people in all plans implemented. During the Japanese occupation of Malaya, even though the field of journalism has been turned into a propaganda tool by the Japanese administration, there was an existence of Look-To-Japan idea that saw Japanese values through various newspapers and magazines, especially Malai Sinpo, Semangat Asia, Suara Timur and Fajar Asia. This study will analyze the contents of the Look-To-Japan idea advocated by Malay intellectuals and nationalists through all the newspapers and magazines. In the Malay communit, the Look-To-Japan idea during this time focused on the socio-political, cultural and economic areas.*

***Keywords:*** *Fajar Asia, Malai Sinpo, Second World War, Semangat Asia, Suara Timur*

## Pengenalan

Di sebalik penyebaran pemikiran pro-Barat yang dibawa British ke Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat kewujudan pemikiran Pandang Ke Timur yang dimuatkan di dalam akhbar dan majalah sebaik Jepun mengambil alih tampuk kuasa. Kedudukan dan hubungan kuasa antara pemerintah, rakyat dan akhbar sebelum tahun 1945 telah mencorakkan sistem media di Tanah Melayu yang dilihat bersifat autoritarian. Ini dirungkai oleh Mohd. Safar Hasim dalam

tulisannya *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*.[1] Benedict Anderson dalam karya pentingnya, *Imagined Communities*,[2] mengetengahkan teori bahawa nasionalisme dicetuskan oleh apa yang disebutnya sebagai *print-capitalism*, yang membawa erti tersebarnya budaya percetakan dalam skala yang meluas. Definisi yang diberikan oleh Anderson tentang nasionalisme adalah tepat jika dilihat di Malaya, kemunculan nasionalisme boleh dikaitkan dengan peranan komoditi cetak. Anthony D. Smith (1971 & 1986)[3] pula memberi fokus kepada soal etnisiti untuk menerangkan gejala nasionalisme yang tumbuh dalam masyarakat.

Semasa Perang Dunia Kedua, peranan Jepun sebagai model nasionalisme dalam proses pemodenan masyarakat Melayu telah disentuh oleh ramai pengkaji sebelumnya, antara kajian penting ialah dari Muhammad Said bin Haji Sulaiman (1942) Muhd. Yusof Ibrahim (1996) Noraini binti Muhammad (1998) Junaidah Bt. Osman (1995), Yoji Akashi (1991) dan Angline Innasi (1995). Kajian pengkaji akan melengkapi kesemua kajian terdahulu, melalui pengumpulan sumber primer di dalam *Malai Sinpo*, *Semangat Asia*, *Suara Timur* dan *Fajar Asia* yang menjurus kepada kewujudan pemikiran Pandang Ke Timur pada masa ini. Walaupun kebanyakan isi kandungan akhbar dan majalah pada masa ini lebih bersifat propaganda Jepun semata-mata, namun ia dilihat dapat membantu usaha pengkaji dalam menganalisis intipati pemikiran Pandang Ke Timur. Kepentingan majalah *Semangat Asia* dan *Fajar Asia* berbanding akhbar dan majalah lain ada dibincangkan dalam kajian Rus Ain binti Abdullah (1988), Muhd. Yusof Ibrahim (1996), Yundi Fitrah (2007), Noraini binti Muhammad (1998), Ishak Saat (2010) dan Mahani Musa (2011). Pemikiran Pandang Ke Timur menjadi bertambah penting pada masa ini melalui perlaksanaan konsep Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya.

---

[1] Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1996.

[2] Benedict Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London, Verso, 1991

[3] Anthony D. Smith, *Theories of Nationalism*, London, Gerald Duckworth & Company Limited, 1971. Lih. juga Anthony D. Smith, *The Ethnic Origin of Nations*, Oxford, Basil Blackwell, 1986.

## Sejarah Persuratkhabaran Di Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua

Semasa zaman pentadbiran MMA, bidang persuratkhabaran Tanah Melayu telah mengalami beberapa perubahan. Hasil penguasaan mereka, alat-alat sebaran am termasuklah suratkhabar dan majalah telah dijadikan alat propaganda oleh MMA. Tujuan utama mereka menguasai bidang persuratkhabaran adalah untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam peperangan dan kerjasama dari penduduk dalam segala rancangan yang dilaksanakan. Penguasaan dalam bidang itu juga dapat mengelakkan rakyat mendapat berita dari kuasa-kuasa asing lain, khususnya dari British dan Belanda. Bagi menguasai bidang persuratkhabaran, MMA telah menetapkan segala usaha yang berkaitan dengan penerbitan mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu. Jabatan Propaganda Jepun menjalankan penapisan terhadap bahan-bahan yang hendak diterbitkan.[4]

Terdapat enam belas jenis akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan sepanjang zaman pendudukan Jepun. Ia terdiri daripada 9 jenis akhbar dan 7 jenis majalah.[5] Pada tahun 1942 terdapat penerbitan akhbar *Cahaya Timur*, *Berita Malai*, *Pancaran Matahari*, *Penang Shimbun*, *Perubahan Baharu*,[6] *Matsurui*, *Warta Malaya*,[7]

---

[4] Rus Ain binti Abdullah, *Suratkhabar dan Majalah Melayu Di Zaman Jepun 1942-1945: Satu Kajian Ke Atas Perkembangan dan Peranan*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 119.

[5] Noraini binti Muhammad, *Majalah Semangat Asia*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 11.

[6] *Perubahan Baharu* merupakan akhbar bertulisan rumi yang menumpukan berita luar negaranya terhadap Jepun dan bagi Tanah Melayu, berita negeri Selangor menjadi tumpuan utama kerana akhbar ini diterbitkan di Kuala Lumpur. Ia juga membincangkan hal-hal persatuan kebajikan, khususnya Persatuan Kebajikan Melayu Selangor dan memperhebatkan langkah-langkah menggerakkan kaum-kaum di Tanah Melayu bagi membantu Jepun dalam memperkuatkan barisan belakang medan perang.

[7] *Warta Malaya* merupakan akhbar harian bertulisan Jawi sebelum Perang Dunia Kedua. Akhbar ini mula diterbitkan pada 1 Januari 1930. Pada peringkat awal, akhbar ini diterbitkan oleh Anglo-Asiatic Press di North

*Matahari Terbit* serta penerbitan majalah *Cermin Hidup*, *Matahari Memancar*, *Sinaran Matahari, Asia Baharu* dan *Suara Timur*. Pada tahun 1943 terdapat penerbitan akhbar *Berita Perak* serta penerbitan majalah *Fajar Asia* dan *Semangat Asia*.[8] Walau bagaimanapun tidak semua akhbar yang diterbitkan itu kekal penerbitannya. Ada akhbar dan majalah yang terbit beberapa bulan sahaja. Dari jumlah akhbar yang terbit ini pula, tidak semua dapat diselidiki. Terdapat akhbar yang tidak dapat ditemui dan kebanyakan yang adapun tidak cukup bilangannya. Pada masa ini kebanyakan akhbar dan majalah diterbitkan dengan menggunakan huruf Jawi. Hanya ada beberapa buah majalah sahaja yang menggunakan huruf Rumi iaitu yang diterbitkan bersama dengan Indonesia. Jika dilihat dari jumlah akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan itu dapatlah dikatakan bidang persuratkhabaran kurang berkembang pada zaman pendudukan Jepun.[9]

Terdapat juga akhbar berbahasa Inggeris yang diterbitkan sepanjang zaman pendudukan Jepun, iaitu *Malai Sinpo* (1943-1945) di Kuala Lumpur, *Penang Daily News* (1942)[10] yang kemudiannya digantikan dengan *Penang Shimbun* (1942-1945)[11] di Pulau Pinang,

---

Bridge Road, Singapura. Mulai 1 Januari 1934, syarikat ini menukar namanya kepada Warta Malaya Press Limited dan pemiliknya masih Syed Hussein Ali al-Sagoff, seorang hartawan berketurunan Arab. Semasa pendudukan Jepun, penerbitan akhbar ini telah diambil alih oleh Jepun dan diterbitkan dalam tulisan Rumi.

[8] Rus Ain binti Abdullah, *Suratkhabar dan Majalah Melayu Di Zaman Jepun 1942-1945: Satu Kajian Ke Atas Perkembangan dan Peranan,* Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. hlm. 12.
[9] Ibid., hlm. 119, 121.

[10] Akhbar ini diterbitkan oleh The Penang Rengo Tsushin Sha (The Penang Almagamated Press) dengan harga 3 sen pada ketika itu. Mengandungi artikel mengenai kegiatan Jepun di Tanah Melayu dan kawasan-kawasan lain di bawah jajahannya. Juga terdapat notis yang dikeluarkan oleh kerajaan Jepun mengenai cukai dan pekeliling berkaitan. Kesemuanya berjumlah 6 naskah iaitu No. 24 - 2 April 2602, No. 32 - 10 April 2602, No. 33 -11 April 2602, No. 35 - 12 April 2602, No. 36 - 13 April 2602 dan No. 81 - 28 Mei 2602. Kesemua naskah ini boleh dirujuk di Koleksi Surat Khabar Arkib Negara Malaysia.

[11] Terdapat dua naskah dan 3 keratan akhbar *Penang Shimbun* di Arkib Negara Malaysia, iaitu *Penang Shimbun* Vol. III, No. 188, 7 Ogos 2604, *Penang*

*Shonan Shimbun* (1942-1945) yang diterbitkan oleh Shonan Times di Singapura dan *Perak Simbun*[12] (1945) di Perak. *Penang Shimbun* edisi bahasa Inggeris adalah berbeza sama sekali dengan *Penang Shimbun* edisi bahasa Melayu yang mempunyai editor Melayunya yang tersendiri, Ibrahim Mahmud. Bagi akhbar berbahasa Cina pula, terdapat *Syonan Shimbun* (1942-1945)[13] dan *Melaka New Newspaper* (Mei-September 1942).

Kebanyakan akhbar berbahasa Tamil dan bahasa India yang lain diterbitkan oleh Liga Kebangsaan India, dibentuk oleh Netaji Subash Chandra Bose, seorang nasionalis India, dengan kerjasama pihak berkuasa Jepun di Tanah Melayu. Akhbar menjadi platform mereka untuk berkempen bagi kemerdekaan India. Akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh kumpulan ini ialah *Sutandira India*, *Sutandirotayam* dan *Yuvabharatham* yang kesemuanya dalam bahasa Tamil, *Azad Hind*[14] dan *Young India* dalam bahasa Inggeris, *Sutandra Bharatham* dalam bahasa Malayalam dan *Azad hind* dalam bahasa Hindustan. Sebagai tambahan, golongan muda Liga Kebangsaan India menerbitkan *Bala Bharatham* dan *Punaswaraj* di Pulau Pinang.[15] Berikutan aktiviti Liga Kebangsaan India, terdapat juga akhbar India yang diterbitkan oleh pihak-pihak lain di wilayah lain di Tanah Melayu. Ini termasuklah *Jaya Bhartam* dan *Zindabab* di Pulau Pinang, *Putu Ulakam*, *Ilangkatir* dan *Ilampirai* di Ipoh, *Idi Mulakkam* di Kampar, *Udaya Sooriyan* di Taiping, *Jeyamani* dan *Islamiya Ilaiyan* di Kuala Lumpur, dan

---

*Shimbun* Vol. III, No. 200, 21 Ogos 2604, *Penang Shimbun* 6 Januari 2604, *Penang Shimbun* 31 Mac 2604 dan *Penang Shimbun* 15 Mac 2605.

[12] Isi kandungan *Perak Shimbun* sepanjang tahun 1945 (sebanyak 65 keluaran) boleh dilihat di: http://eprints.usm.my/view/creators/Shimbun=3APerak=3A=3A.html (diakses 7 April 2014).

[13] Terdapat 1 keratan akhbar *Syonan Shimbun* di Arkib Negara Malaysia, iaitu *Syonan Simbun* bertarikh 22 Disember 2603.

[14] Untuk maklumat lanjut mengenai *Azad Hind* yang diterbitkan di Singapura, sila lih. Malai Sinpo, Aneka Warta dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 25.

[15] Mohd. Dhari Othman, Malaysian press: A brief account of newspapers published in British Malaya dlm. *Jurnal Komunikasi* 8, 1992, hlm. 124-125.

*Seremban Seithy*. Kebanyakan akhbar ini menerbitkan berita, karya sastera kreatif dan pelajaran dalam bahasa Jepun.[16]

Selain akhbar-akhbar rasmi yang diterbitkan dengan kebenaran Jepun, terdapat juga beberapa akhbar bawah tanah yang berkembang. Walaupun kebanyakan akhbar ini dalam bahasa Cina, terdapat juga akhbar bahasa Melayu yang radikal seperti *Seruan Raayat* dan *Suara Pemberentak* di utara Johor, *Suara Melayu* yang merupakan versi Melayu dari *Emancipation News* yang diterbitkan setiap 2 bulan, dan *Suara Raayat* yang diterbitkan bermula tahun 1941 dengan 4 halaman setiap minggu. Ia dicetak di Pahang dan menggunakan kombinasi huruf Jawi, English, Cina dan Tamil. Slogannya adalah "China, Melayu, India - Abang, Adek ."[17]

Pada zaman pendudukan Jepun, akhbar Melayu terutamanya *Berita Malai* di Singapura, meneruskan warisan dan tradisi akbar-akhbar Melayu sebelum perang, iaitu meniup semangat kebangkitan bangsa Melayu. MMA menerbitkan akhbar berbahasa Melayu di setiap bandar besar di Tanah Melayu seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang. Di antara semua akhbar itu, *Berita Malai* yang merupakan gabungan dua akhbar Melayu sebelum perang iaitu *Utusan Melayu* dan *Warta Malaya*[18] adalah terserlah dalam peranannya mewarisi tradisi

---

[16] Ibid., hlm. 125.

[17] John A. Lent, Malaysia's National Language Mass Media: History and Present Status dlm. *South East Asian Studies* 15 (4), 1978, hlm. 604.

[18] Lih. Abdul Rahman Haji Ismail, Pelopor Persuratkhabaran Melayu di Malaysia: Perjuangan dan Wawasan dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke*-20, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 30. Menjelang serangan Jepun pada akhir tahun 1941, *Warta Malaya* telah dibeli oleh Ibrahim Yaacob dengan bantuan kewangan daripada pihak Jepun untuk digunakan oleh Kesatuan Malaya Merdeka (yang didaftar dengan nama Kesatuan Melayu Muda) sebagai alat dakyah bagi membebaskan Tanah Melayu daripada British. Namun semasa pendudukan Jepun, penerbitan akhbar telah dikuasai secara langsung oleh MMA. *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* telah dicantum menjadi *Berita Malai* dan diterbitkan dalam tulisan rumi, manakala *Majlis* pula bertukar nama menjadi *Perubahan Baharu*. Lih. juga A. Samad Ismail, Modal Asas Utusan Melayu Sumbangan Rakyat Miskin dlm. *Mingguan Malaysia*, 25 Mei 1966.

kewartawanan Melayu sebelum perang.[19] Dari aspek menjadikan Jepun sebagai pedoman kepada masyarakat tempatan, penulisan-penulisan sejarah yang terdapat di dalam *Malai Sinpo, Semangat Asia, Suara Timur* dan *Fajar Asia* bertujuan memberikan semangat perjuangan kepada masyarakat Melayu pada ketika itu, iaitu dengan mencontohi dan mengingati ketokohan dan keberanian tokoh~tokoh sejarah yang telah lalu. Secara zahirnya semangat perjuangan itu adalah dimaksudkan sebagai semangat membenci dan menentang pihak kuasa-kuasa Barat khasnya British dan Belanda yang pernah menjajah Tanah Melayu dan Indonesia sebelum kedua-duanya dikalahkan oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Sedangkan terhadap Jepun yang mempopularkan konsep Asia untuk Asia dan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya itu telah ditonjolkan pula sikap yang sesuai dengan keadaan dan tuntutan ketika itu.

Selain penerbitan *Berita Malai*, *Malai Sinpo*, *Semangat Asia, Suara Timur* dan *Fajar Asia*, menjelang awal tahun 1942, Muhammad Said bin Haji Sulaiman telah menghasilkan sebuah karya mengenai Jepun yang diberi judul *Semangat Nippon Yang Sebenar Diuraikan*.[20] Karya ini bukanlah karya asli beliau tetapi ia merupakan karya A. Asahi dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan sebagai lampiran untuk akhbar *Syonan Times* bertarikh 23 Ogos 1942. Namun Muhammad Said telah menterjemahkannya secara bebas dan hasilnya seperti sebuah karyanya sendiri. Karya ini diterbitkan semula dalam bentuk buku oleh Syeikh bin Alwi Syahab dari Johor Bahru.[21] Dari segi

---

[19] Lih. Mazlan Nordin, *Tokoh dan Akhbar Melayu: Penebus Peminggiran Melayu*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 30. Dua faktor mempengaruhi peranan *Berita Malai* pada masa itu. Faktor pertama ialah ia diterbitkan di Singapura, pusat komunikasi termoden di rantau Melayu pada masa itu, dengan teknologi yang lebih tinggi. *Berita Malai* diterbitkan di Cecil Street, di bangunan yang sebelum perang dahulu, menerbitkan akhbar bahasa Inggeris yang terkemuka, iaitu *Straits Times*, dengan kelengkapan press yang paling moden. Faktor kedua ialah kehadiran wartawan dan pengarang yang mewakili generasi muda Melayu pada zaman itu.

[20] Muhammad Said bin Haji Sulaiman (Terj.), *Semangat Nippon Yang Sebenarnya Diuraikan*, t.tp., Sheikh bin Alwi Shahab, 1942.

[21] Muhd. Yusof Ibrahim, Pensejarahan Melayu dalam Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945) dlm. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 24, 1996, hlm. 110, 116.

kandungannya karya ini meriwayatkan falsafah dan konsep keagamaan, kemasyarakatan malah ketenteraan Jepun yang telah membolehkan Jepun mencapai kemajuan dalam masa yang singkat, iaitu bermula daripada Zaman Meiji pada tahun 1869. Karya ini selain menjadikan Jepun sebagai pedoman, ia juga merupakan risalah propaganda untuk mendapatkan simpati terhadap budaya dan agama Jepun serta tenteranya yang pada ketika itu telahpun menakluki Manchuria dan hampir seluruh Asia Tenggara.[22]

Di sebalik usaha Jepun menjadikan bidang persuratkhabaran sebagai alat propaganda, penulis-penulis Melayu yang dibenarkan menggerakkan akhbar dan majalah mereka telah menggunakan peluang ini untuk membangkitkan semangat kesedaran kebangsaan dalam gaya yang penuh tersirat. Lantas Jepun menjadi model mereka, dan hal ini sebenarnya berjaya mengaburi mata pihak Jepun. Sebelum Perang Dunia Kedua, nasionalisme Melayu yang lahir adalah berkait rapat dengan fenomena pemodenan dan hanya mengambil bentuk anti-imperialisme semasa Perang Dunia Kedua. Keadaan yang unik ini diakui oleh Tan Malaka[23] dalam tulisannya *Massa Actie*. Semasa pendudukan Jepun, untuk pertama kali dalam sejarah, huruf jawi yang menjadi huruf tradisional bangsa Melayu, diganti dengan huruf rumi dalam media bahasa Melayu. Walaupun selepas perang, akhbar-akhbar bahasa Melayu umumnya diterbitkan dalam huruf jawi, namun huruf rumi tidak lagi menjadi huruf yang agak asing pada bangsa Melayu. Penggunaan huruf rumi juga diterima oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga di Singapura pada tahun 1956.[24]

Zaman pendudukan Jepun merupakan titik permulaan perkembangan sajak dalam kesusasteraan Melayu. *Berita Malai* memainkan peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden melalui penyiaran sajak dan cerpen bukan sahaja daripada angkatan muda Melayu, tetapi juga daripada sasterawan Indonesia. Dasar MMA yang menyatukan pentadbiran Singapura

---

[22] Ibid., hlm. 110.

[23] Tan Malaka (2 Jun 1897 - 21 Februari 1949) adalah seorang guru, ahli falsafah Indonesia, pemimpin Partai Komunis Indonesia, dan pejuang kebangsaan Indonesia.

[24] Mazlan Nordin, *Tokoh dan Akhbar Melayu: Penebus Peminggiran Melayu*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 31.

dengan Sumatera telah mendedahkan bangsa Melayu kepada pengaliran bahasa dan kesusasteraan Indonesia melalui media bahasa Melayu, khususnya *Berita Malai*, *Semangat Asia*, *Suara Timur* dan *Fajar Asia*. Pengaruh semangat merdeka bangsa Indonesia yang didorong Jepun juga mengalir dan melimpah ke Singapura dan Tanah Melayu melalui media.[25] Untuk pertama kali dalam sejarah, wartawan dan sasterawan Indonesia dan Tanah Melayu menjalin perhubungan dan saling berinteraksi antara satu sama lain, satu fenomena yang berterusan selepas Perang Dunia Kedua, terutama dalam tahun-tahun revolusi Indonesia.[26]

Bagi Ibrahim Yaacob, Yang Dipertua Kesatuan Melayu Muda (KMM) satu-satunya jalan untuk menyelamatkan orang Melayu ialah dengan mengusahakan secara politik penyatuan semula orang Melayu. Beliau bermaksud menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia. Perkara inilah yang dijadikan landasan perjuangan KMM dan organisasi nasionalis selepas perang, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Nasionalisme Melayu yang berorientasi ke Indonesia ini terus didokong oleh orang Melayu yang bukan dari golongan aristokrat sehinggalah pada waktu British kembali semula ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.[27]

Semasa pendudukan Jepun, bidang kewartawanan turut diceburi oleh golongan wanita Melayu secara lebih giat. Isteri Abdul Samad Ismail,[28] Hamidah Hassan Lubis menjadi pemberita di *Berita Malai*. Setelah *Bulan Melayu* terhenti penerbitannya semasa perang, Ibu Zain mewujudkan perkumpulan perempuan secara tidak rasmi di Johor Bahru yang berselindung di sebalik kelas malam. Fatimah Harun

---

[25] Ibid., hlm. 31.

[26] Ibid., hlm. 32.

[27] Ahmat Adam, *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2013, hlm. 170-171.

[28] Tan Sri Abdul Samad Ismail (18 April 1924 - 4 September 2008) merupakan tokoh kewartawanan terkemuka di Malaysia. Beliau juga tokoh sasterawan dan pejuang bahasa Melayu, aktivis politik dan kesatuan sekerja, pejuang hak asasi selain menjadi pembekal senjata kepada pejuang kemerdekaan Indonesia dalam tahun 1940-an.

menubuhkan Pemudi Islam yang ramai ahlinya adalah guru lepasan Maktab Perempuan Melayu Melaka (MWTC) yang ditubuhkan pada tahun 1935. Di Muar pula, Siti Nurani Janain menerbitkan majalah *Matahari Memancar* yang menyeru kaum wanita membentuk persatuan, keluar bekerja dan mendidik anak-anak perempuan mereka.[29] Antara majalah yang diterbitkan semasa pendudukan Jepun yang banyak melibatkan kaum wanita ialah *Fajar Asia* dan *Semangat Asia*. *Fajar Asia* dikendalikan oleh Rohana Djamil bersama suaminya. Penulisa-penulis perempuan yang menyumbang idea melalui rencana-rencana *Fajar Asia* ialah Rohana Djamil sendiri, Ibu Zain, Amnah Idrus serta Mas Neng yang sering menggunakan nama pena Mas Neng Nurafisah, Norasmara dan Asmara Yatim.[30]

Selain mereka, terdapat juga tokoh-tokoh wanita yang lain dengan jumlah yang semakin meningkat, terutama pada zaman selepas pendudukan Jepun. Antara mereka termasuklah Zawiyah Ali dan Zaharah Mahmud yang terlibat dalam penerbitan *Dewan Perempuan* pada tahun 1935 dan Hasnah Ishak serta Embun yang menerajui majalah bulanan *Puteri Melayu* pada tahun 1947.[31] Meskipun pendudukan Jepun menyaksikan kaum wanita terdedah kepada pekerjaan di luar rumah dan berdikari, namun kebanyakan yang terlibat adalah daripada golongan luar bandar yang tidak terdedah kepada

---

[29] Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran dan Majalah di Malaysia, Tahun 1920-an 1960-an dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke*-20, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 73. Lih. juga Mahani Musa, Politik Menongkah Arus: Jatuh Bangun Khatijah Sidek dalam Pergerakan Kemerdekaan dan Pembelaan Hak Wanita, 1951-1969 dlm. Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin & Nazarudin Zainun (pnyt.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 125.

[30] Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran dan Majalah di Malaysia, Tahun 1920-an 1960-an dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke*-20, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 73-75.

[31] Abdul Rahman Haji Ismail, Pelopor Persuratkhabaran Melayu di Malaysia: Perjuangan dan Wawasan dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke*-20, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 32.

pendidikan dan kedatangan Jepun menyulitkan kehidupan seharian mereka. Pergerakan wanita yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua mendapati kedatangan Jepun merosakkan usaha mereka untuk memajukan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak perempuan.[32] Kebangkitan semangat kebangsaan pada zaman pendudukan Jepun telah mendorong penubuhan pelbagai persatuan. Apabila British kembali semula ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah, pandangan rakyat termasuk kaum wanita terhadap penjajah sudah berubah. Dalam pada itu, sikap masyarakat sendiri terhadap kaum wanita semakin berubah dan keadaan ini menjadi pendorong kepada golongan tersebut untuk tampil berjuang bersama-sama kaum lelaki. Dunia kewartawanan juga dilihat satu saluran penting untuk menaikkan semangat kesedaran kaum wanita Melayu.[33]

## Sejarah Penerbitan *Malai Sinpo, Semangat Asia, Suara Timur* Dan *Fajar Asia*

*Malai Sinpo*[34] dicetak dan diterbitkan oleh Syonan Sinbun-Kai[35] di 25, Pudu Road, Kuala Lumpur bermula 1 Januari 1943 hingga 31 Ogos

---

[32] Mahani Musa, Politik Menongkah Arus: Jatuh Bangun Khatijah Sidek dalam Pergerakan Kemerdekaan dan Pembelaan Hak Wanita, 1951-1969 dlm. Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin & Nazarudin Zainun (pnyt.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 126.

[33] Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran dan Majalah di Malaysia, Tahun 1920-an 1960-an dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke*-20, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 76.

[34] Di Arkib Negara, *Malai Sinpo* boleh didapati dalam bentuk mikrofilem bermula dari tarikh 2 Julai 2603 hingga 4 September 2605. Bagaimanapun, tarikh 30 April 2604 hingga 28 Februari 2605 tiada dalam simpanan Arkib Negara.

[35] Lih. Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 205. Menjelang ulang tahun pertama serangan Jepun ke atas Tanah Melayu, sebuah persatuan akhbar yang dinamakan Syonan Sinbun-Kai telah

1945. Editornya adalah Francis Cooray. Pada masa ini juga, penguasaan kuasa Paksi atau Axis dalam Perang Dunia Kedua, iaitu Jerman, Itali dan Jepun berada di puncaknya. *Malai Sinpo* merupakan akhbar harian yang diterbitkan setiap hari kecuali hari Ahad. Jumlah halamannya adalah antara 1 hingga 3 muka, berbahasa Inggeris dan berharga 10 sen. Kebanyakan artikelnya berkaitan dengan perjalanan Perang Dunia Kedua, menanam semangat persaudaraan dan perhubungan erat di antara bangsa-bangsa Asia, menjelaskan dasar-dasar pihak berkuasa Jepun di Tanah Melayu dan mengembangkan lagi penggunaan bahasa Jepun.

*Malai Sinpo* juga merupakan akhbar propaganda untuk mendapatkan simpati terhadap budaya dan agama Jepun serta tenteranya yang pada ketika itu telahpun menakluki Manchuria dan hampir seluruh Asia Tenggara. *Malai Sinpo* juga diterbitkan untuk pembacaan bangsa Melayu di Sumatera memandangkan Tanah Melayu dan Sumatera telah disatukan pentadbirannya oleh Jepun. Dalam rencana pengarangnya yang pertama pada 1 Januari 2603, *Malai Sinpo* menolak tafsiran kebebasan akhbar sebagaimana yang difahami sebelumnya. Menurutnya, slogan kebebasan akhbar tidak mempunyai makna pada waktu itu jika perkataan kebebasan bermaksud lesen yang tidak terbatas untuk mengatakan apa saja. Menurutnya, dalam Orde Baru yang diwujudkan Jepun, pendapat umum tidak wujud berasingan

---

ditubuhkan dengan kerjasama 13 buah akhbar utama di Jepun. Tujuan utama persatuan itu ialah untuk menyelia semua akhbar di Tanah Melayu dan Sumatera. Presiden agensi berita kerajaan iaitu Domei Tsushin-sha, Inosuke Furuno ialah presiden Syonan Sinbun-Kai. Manakala 13 akhbar utama Jepun yang bekerjasama menubuhkan Syonan Sinbun-Kai itu ialah *Hokkai Times, Kahoku Sinpo, Godo Sinbun, Chugoku Sinbun, Tokyo Sinbun, Hoti Sinbun of Sikoku, Nisi-Nippon Sinbun, Kyoto Sinbun, Osaka Sinbun, Kobe Sinbun, Hokkoku Maninichi, Chubu Nippon Sinbun* dan *Nippon Sayngyo Keizai Sinbun*. Mulai 8 Disember 1942, Syonan Sinbun-Kai mengambil alih *Penang Shimbun* untuk menerbitkan akhbar harian berbahasa Inggeris dan Cina, menurut cadangannya sebuah akhbar bernama *Malai Nippo* akan diterbitkan di Kuala Lumpur mulai1 Januari 1943 sebagai akhbar berbahasa Inggeris dan Cina. Walaupun pengumuman awal menyatakan *Malai Nippo* yang hendak diterbitkan di Kuala Lumpur, namun akhbar yang diterbitkan dinamakan *Malai Sinpo*. Di Sumatera, Syonan Sinbun-Kai mengambil alih *Sumatera Shimbun* di Medan yang diterbitkan dalam bahasa Indonesia. Ia juga bercadang menerbitkan sebuah akhbar di Padang. Lih. juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic* History, London, C. Hurst & Co. Publishers, 1998, hlm. 143.

daripada pendapat negara. Akhbar tidak boleh wujud sebagai sebuah negara yang berasingan.[36]

Naskah pertama *Semangat Asia* diterbitkan pada 18 Januari 1943 oleh Malai Shinbun Sha (Pejabat Persuratkhabaran Melayu), 146 Cecil Street, Singapura. *Semangat Asia* mengandungi huruf rumi dan akhbar ini mengandungi jumlah halaman yang tidak tetap untuk setiap keluarannya. Ia tidak melebihi 34 halaman dan tidak kurang dari 28 halaman termasuklah halaman iklan. Harganya pula ialah 15 sen untuk bilangan 1 hingga 6 dan telah meningkat kepada 25 sen untuk bilangan 8 hingga 12. Harga langganannya untuk setahun ialah dua ringgit. Majalah ini adalah majalah bulanan bahasa Melayu tulisan rumi bergambar. Antara sidang pengarangnya ialah Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Abdullah Kamel dan Abdul Samad Ismail.[37] *Semangat Asia* sempat diterbitkan sebanyak 17 keluaran iaitu Jilid 1 (bilangan 1 hingga 10) pada tahun 1943 dan Jilid 2 (bilangan 1 hingga 4) pada tahun 1944. *Semangat Asia* diedarkan ke seluruh kedai buku dan wakil-wakil persuratkhabaran di Tanah Melayu.

Tujuan *Semangat Asia* diterbitkan ialah untuk memperkenalkan Jepun kepada penduduk-penduduk Tanah Melayu dan Sumatera kerana sebelum pendudukan Jepun, hanya sedikit sahaja dari mereka yang mengenali Jepun. *Semangat Asia* juga bertujuan menanam semangat persaudaraan dan perhubungan erat di antara bangsa-bangsa Asia, mengembangkan lagi penggunaan bahasa Jepun dan bahasa Melayu, memajukan kebudayaan dan kesenian Melayu dan menyediakan alat pembacaan yang lebih meluas untuk semua golongan bangsa Melayu yang berada di kota dan di desa melalui bahasa dan cara yang mudah difahami. Oleh kerana Tanah Melayu dan Sumatera telah disatukan pentadbirannya oleh Jepun, maka sudah tentu hubungan persaudaraan di antara penduduk kedua-dua wilayah ini menjadi lebih rapat dan teguh daripada sebelumnya.[38] *Semangat Asia* diharapkan dapat merintis

---

[36] Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 205.

[37] Noraini binti Muhammad, *Majalah Semangat Asia*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 16.

[38] Anon, Telahan Berkenaan Dengan Bahasa Melayu Yang Akan Datang dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 1.

jalan yang menuju kepada tujuan ini. Pihak penerbit dan sidang pengarang *Semangat Asia* juga berharap agar para wartawan, ahli-ahli persuratan dan golongan intelektual di Sumatera dan Tanah Melayu akan menghulurkan bantuan dalam memenuhi matlamat penerbitannya.[39]

Majalah *Suara Timur* telah diterbitkan pada tahun 1942 bagi menggantikan majalah *Film Melayunya* yang telah terhenti akibat Perang Asia Timur Raya. *Suara Timur* diterbitkan bagi tujuan menyiarkan artikel-artikel khas berkaitan dengan perkara-perkara am, dunia wayang gambar, cerita-cerita hiburan dan lain-lain artikel yang boleh membawa semangat baru kepada masyarakat Melayu. Penerbitannya mendapat penghargaan daripada Ibrahim Yaacob. Harga permulaannya ditetapkan pada 25 sen senaskah bagi menarik sokongan para pembaca. *Suara Timur* diterbitkan sebulan sekali, dan akan lebih daripada sekali apabila telah teratur kelak pengurusannya. Para pembacanya juga digalakkan untuk menghantar sebarang jenis artikel yang boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat Melayu untuk disiarkan dalam *Suara Timur*.[40] *Suara Timur* juga diterbitkan untuk pembacaan bangsa Melayu di Sumatera, menjadikan penggunaan bahasa Melayu yang seragam di dalam akhbar ini bagi bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia.[41]

Majalah *Fajar Asia* diterbitkan oleh Ahmadiah Press dan dikendalikan oleh Zainal Abidin Ahmad bersama isterinya, Rohana Djamil. Zainal Abidin Ahmad merupakan seorang pengarang Indonesia yang terkenal pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan pernah memimpin majalah *Panji Islam* di Medan.[42] *Fajar Asia* diterbitkan

---

[39] Pengarang, Kata Pembuka dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 1.

[40] H. Abdullah Ja'afar, Selamat Terbit dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 1, 1 Jugatsu 2602, hlm. 3.

[41] Mahmud bin Ahmad, Chadangan Perubahan Ejaan Rumi dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 1, 1 Jugatsu 2602, hlm.7. Lih. juga Mahmud bin Ahmad, Perdirian Bahasa Melyu dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 3, 27 Ichigatsu 2603, hlm. 8.

[42] Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran dan Majalah di Malaysia, Tahun 1920-an 1960-an dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Mahani Musa (pnyt.), *Akhbar dan Tokoh*

dengan restu pihak pemerintah Jepun di Singapura oleh Pejabat Pembangunan Melayu Baru (Sinsei Malai Kensetsu Sha) yang beralamat di 101, Jalan Sultan, Syonan-to (Singapura) dan penerbitannya bermula 25 Januari 1943 dan berakhir pada 10 April 1944. Majalah ini mengandungi jumlah halaman yang tidak tetap dan menggunakan huruf Rumi. Setakat yang diketahui majalah ini hanya sempat terbit sebanyak 19 keluaran, iaitu bagi Tahun Pertama (Bilangan 1-16) antara tahun 1943 -1944 dan bagi Tahun kedua (Bilangan 1-3) pada tahun 1944.

Terbitan pertama *Fajar Asia* memuatkan artikel mengenai tujuan penerbitannya. Dalam artikel 'Permulaan Kata,'[43] Zainal Abidin Ahmad menyatakan *Fajar Asia* diterbitkan bagi memenuhi harapan bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia agar lahirnya satu majalah yang bersemangat baru, yang akan memandu bangsa mereka menuju kemuliaan dan kemajuan. Zainal Abidin Ahmad juga memuji Jepun yang dilihat suatu bangsa yang gagah perkasa dalam mengusir kuasa-kuasa Barat dari Asia. Bangsa Jepun dilihat akan memimpin bangsa-bangsa di Asia supaya mereka dapat berdiri tegak di atas kakinya sendiri dengan semangat muda dan tenaga baru untuk mencapai cita-cita Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya.[44] Matlamat *Fajar Asia* ialah memajukan bidang kebudayaan dan kesenian bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia.

## Idea Pandang Ke Jepun Dalam Sosio-Politik, Budaya Dan Ekonomi

Secara amnya, tujuan idea Pandang Ke Jepun yang diterapkan oleh MMA melalui akhbar dan majalah kepada masyarakat Melayu antara tahun 1941-1945 adalah bertujuan untuk memupuk nasionalisme Asia, menggerakkan sokongan rakyat untuk perang, menggantikan sifat-sifat

---

*Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-20,* Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 73.

[43] Zainal Abidin Ahmad, Permulaan Kata dlm. *Fajar Asia* 1, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Berita dalam Negeri dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 11.

[44] Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hlm. 229.

materialisme dan individualisme Barat dengan kerohanian Asia, menggalakkan disiplin, memastikan kepatuhan dan kerjasama daripada rakyat, dan menyemai semangat Jepun kepada rakyat. Bagi golongan muda, semua tujuan ini disampaikan melalui sistem persekolahan, sementara bagi golongan dewasa pula, ia disampaikan melalui propaganda dari akhbar, majalah dan siaran radio, di upacara awam, dan kempen mengalakkan orang ramai mempelajari bahasa Jepun. Usaha Jepun ini membawa kepada peningkatan kesedaran nasionalisme dan rasa bangga terhadap ciri-ciri budaya tempatan yang wujud dalam aktiviti golongan nasionalis Melayu selepas perang.[45] Selepas kekalahan Jepun, masyarakat Melayu memisahkan diri daripada idea penyatuan Asia melalui Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya, dan mengambil keputusan untuk membentuk negara sendiri yang merdeka daripada sebarang penjajahan asing.[46]

Untuk menarik minat masyarakat Melayu terhadap Jepun dalam idea Pandang Ke Jepun, mereka diajak menghayati sejarah Jepun terlebih dahulu. Jika disoroti kembali akan sejarah dunia, maka kita akan mendapati nama-nama kerajaan yang pernah memegang kekuasaan dunia pada masa dahulu, seperti Babylon, Parsi, Yunani, Mesir, Rom dan lain-lain tidak ada umurnya yang setua kerajaan Jepun. Jepun dilihat dapat mempertahankan kedudukannya sehingga berabad-abad lamanya kerana dasar kerajaannya yang baik dan semangat rakyatnya yang tetap berkobar-kobar. Di masa bangsa-bangsa Barat masih dalam kegelapan dan kemunduran, bangsa Jepun sudahpun mempunyai aturan pemerintahan dan kehidupan yang lengkap dan teratur. Pada tahun 7 Masihi Jepun sudahpun mempunyai penulisan sejarahnya iaitu "Nippon Shoki" yang membuktikan bahawa persepaduan bangsa Jepun serta semangat kebangsaan mereka yang sangat kuat telahpun membentuk suatu peristiwa yang sangat penting.

Kaum Samurai semasa Zaman Tokugawa adalah kaum yang terpelajar tinggi, sopan santun dan mempunyai sifat kebatinan yang baik sekali. Semasa zaman Tokugawa, sekolah-sekolah sama ada rendah, menengah sehinggalah yang tinggi sudah didirikan. Antara karya sejarah yang paling terkenal pada masa ini ialah "Dai Nippon

---

[45] Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic* History, London, C. Hurst & Co. Publishers, 1998, hlm. 122.

[46] Ibid., hlm. 152.

Shi" (Hikayat Nippon) yang disusun dan dikarangkan di bawah pemilikan Mitsukuni Tokugawa, iaitu cucu Ieyasu Tokugawa. Kaum Samurai mendapat kepercayaan dari Maharaja Jepun untuk meneruskan hal ehwal pemerintahan negeri, ekonomi dan pelbagai bidang ilmu selama tidak kurang 250 tahun lamanya.[47] Sejak zaman silam, bangsa Jepun telah menerima dan mempelajari dengan sedalam-dalamnya segala kebudayaan tamadun purba Asia, hingga boleh dikatakan Jepun seolah-olah telah menjadi simbol kebudayaan seluruh Asia. Setelah bercampur dengan tamadun Eropah dan Amerika Syarikat, Jepun telah menerima segala ilmu kemajuan dari segenap dunia.[48] Hari Kigensetsu (Hari Empayar Jepun) kemudiannya menjadi satu dari empat hari besar yang dirayakan di Jepun.[49]

Semasa zaman penjajahan kuasa-kuasa Barat di seluruh dunia, mereka dilihat hanya bermegah dengan tamadun mereka melalui pemerasan hasil. Disebabkan kepercayaan kerajaan Jepun bahawa Asia itu satu dan mesti bersatu, Jepun telah mengambil langkah-langkah yang penting untuk membangunkan negara-negara dan bangsa-bangsa Asia dengan jalan memberi semangat dan pimpinan kepada mereka. Kemenangan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun 1904-1905 telah menyumbang kepada kebangkitan nasionalisme di Asia seperti gerakan mendirikan China baru, gerakan kemerdekaan India, kemerdekaan Indonesia, gerakan perubahan Iran dan lain-lain.[50] Kemajuan Jepun

---

[47] Professor Hadji Ideriess, Semangat Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 6-7. Lih. juga Prof. Haji Ideriess, Semangat Nippon dlm. *Fajar Asia* 11, Hachigatsu 2603, hlm. 336-337. Lih. juga Huseini Latif, Samurai dan Bushido! dlm. *Fajar Asia* 8, 31 Gogatsu 2603, hlm. 253-254.

[48] Anon, Perpustakaan Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 11.

[49] Anon, Kigensetsu dlm. *Semangat Asia* Bilangan Khas, 15 Nigatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Imperial Attendance at Kigensetsu Rituals in Tokyo dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 346, 11 Februari 2604, hlm. 1. Lih. juga Anon, Foundation of the Nippon Empire: Solemn Celebration of Kigensetsu *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 346, 11 Februari 2604, hlm. 1. Lih. juga Anon, Kigensetsu, 11 Haribulan 2: Hari lahirnya Kerajaan Diraja Nippon pada 2602 tahun dahulu dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 36.

[50] Anon, Sejarah Asia dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 9. Lih. juga Anon, Need for Manifestation of Real Asian Spirit: Unshakable Confidence in Ultimate Victory of Dai Nippon dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No.

yang terjadi dengan serta merta telah mengejutkan kuasa-kuasa Barat. Ini kerana pada mulanya mereka memandang rendah terhadap kemampuan Jepun. Bangsa Jepun dilihat telah dapat melangkah dan bersaing dengan segala bangsa yang terhormat di dunia dalam mendirikan suatu bangsa yang teguh dan kukuh di mata manusia.[51]

Bangsa Asia dilihat harus lebih baik dari orang Barat dalam lima perkara, iaitu lebih kuat persatuannya, lebih banyak pengorbanannya, lebih pandai memerintah negeri, lebih pandai berperang dan lebih lengkap alat peperangannya. Bangsa Jepun telah berusaha berpuluh tahun untuk mencapai kelima-lima perkara ini.[52] Asas kejayaan orang Jepun ini adalah disebabkan oleh semangat persetujuan atau muafakat dan semangat kesabaran yang didasarkan kepada semangat bushido[53]

---

311, 1 Januari 2604, hlm. 1. Lih. juga A. Kamel, Angkatan Muda, Bersi….ap! dlm. *Semangat Asia* Bilangan 5, Gigatsu 2603, hlm. 2. Lih. juga Anon, Jika Asia Mahu Bangkit...: Gema perjuangan di-Laut Nippon telah membangkitkan 1,000 milion umat Asia daripada tidor yang nyenyak dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 4-7. Lih. juga Anon, Semangat Yang Memimpin Asia dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 20. Lih. juga Anon, Riwayat Perjuangan 27 Gogatsu, 2565 dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 2-3. Lih. juga Anon, Hari Balatentera dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3 Jilid II, Sangatsu 2604, hlm. 10-11. Lih. juga Anon, Lebeh Pelek Daripada Hikayat dlm. *Semangat Asia* Bilangan 10-12, Jugatsu-Junigatsu 2603, hlm. 12. Lih. juga Anon, Asia Itu Satu dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 14. Lih. juga Ibrahim Haji Ya'acob, Umat Melayu Dari Kurun Kekurun dlm. *Semangat Asia* Bilangan 7, Shichigatsu 2603, hlm. 12-13. Lih. juga Anon, Thai Publicists Entertained in Tokyo: "Asia Is One" Stresses Joho-Kyoku President' dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 178, 29 Julai 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Nippon's Policy towards East Asia: Will Not Impose Colonial State dlm. Malai Sinpo Vol. 3, No. 201, 25 Ogos 2603, hlm. 1. Lih. juga Drs. Mohd. Hatta, 17 Maart 2602 Sumatra Menyerah: Nippon Pendekar Asia dlm. *Fajar Asia* 4, 27 Sangatsu 2603, hlm. 103-104.

[51] Ibrahim bin Md. Ali, Kesedaran Nippon dlm. *Fajar Asia* 1, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 9-10.

[52] *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 3, 27 Ichigatsu 2603, hlm. 29.

[53] Bushido diterjemahkan sebagai "jalan pahlawan", adalah perkataan Jepun untuk cara hidup samurai. Ia berasal dari kod moral samurai yang menekankan kehematan, kesetiaan, penguasaan seni mempertahankan diri, dan kehormatan kepada kematian.

dan agama shinto.[54] Jepun seterusnya melancarkan Perang Asia Timur Raya yang bermatlamat untuk mendirikan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya bagi membina sebuah kawasan Asia Timur yang baharu. Selepas pengusiran kuasa-kuasa Barat dari rantau ini, bangsa Melayu digesa untuk bangun dan bekerjasama dengan bangsa-bangsa Asia yang lain dan Jepun dalam mendirikan semula Asia.[55]

---

[54] Shinto adalah agama asal Jepun. Ia membabitkan penyembahan *kami*, yang boleh diterjemahkan sebagai Dewa, penunggu "*nature spirits*", atau kehadiran semangat. Sesetengah *kami* terhad sesetempat dan boleh dianggap sebagai penunggu atau asal sesuatu tempat, tetapi sesetengah yang lain melambangkan objek semulajadi penting atau kejadian, sebagai contoh, Amaterasu, Dewi Matahari. Perkataan Shinto dicipta dari gabungan dua huruf bahasa Cina, dibaca *shen dao* menurut bacaan Cina moden. Perkataan pertama bererti "ketuhanan" atau "Tuhan", dan boleh juga dibaca sebagai "*kami*" dalam bahasa Jepun. Huruf kedua bererti "jalan" atau "arah," dan adalah perkataan yang digunakan bagi perkataan Taoisme. Dengan itu, Shinto secara harafiahnya bererti "laluan ke arah ketuhanan *kami*". Selepas Perang Dunia Kedua, Shinto kehilangan statusnya sebagai agama kebangsaan. Kebanyakan amalan dan ajaran Shinto yang dititikberatkan sebelum perang, tidak lagi diajar atau diamalkan pada masa kini walaupun sesetengahnya kekal sebagai aktiviti harian seperti *omikuji*.

[55] Inche' Moh. Jihin bin Chor, Riwayat Peprangan Malai dlm. *Semangat Asia* Bilangan Khas, 15 Nigatsu 2603, hlm. 17-27. Lih. juga Anon, Tujuan Peperangan Asia Timor Raya dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Ulangtahun 1, Bilangan 1 Jilid II, Ichigatsu 2604, hlm. 6. Lih. juga Pengarang, Susunan Baru: Berdasarkan “Hakko Ichiu” dan “Kema’moran Bersama” Bangsa2 Asia’ dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 2-4. Lih. juga Anon, Kepada Pemimpin2 dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 2-4. Lih. juga Anon, World Peace in Hand of East Asia dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 257, 29 Oktober 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Spirit of Unity of Asian Races dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 263, 5 November 2603, hlm. 1. Lih. juga Thaharuddin A., Ibu dan Tanah Air dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 17-18. Lih. juga Anon, Greatest Need of The Moment: To Strengthen Unity of East Asians dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 164, Julai 12 2603, hlm. 2. Lih. juga Anon, All Races in Malai Are Required To Co-operate: Gunseikan’s Message To Malaian Press Conference dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 240, 9 Oktober 2603, hlm. 1. Lih. juga Arturo M. Tolentino, Pembenaan Lengkongan Kema’moran Bersama dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 16-18. Lih. juga Anon, Erti Dasar Perbinaan Asia Timor Raya dlm. *Semangat Asia* Bilangan 10-12, Jugatsu-Junigatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Bahagian Kita Bagi Menchapai Kemenangan Akhir dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4 Jilid II, Shigatsu 2604, hlm. 17-18. Lih. juga Anon, Nippon Achieving Aims of Dai Toa Senso: Momentous Changes

Semasa pemerintahan British, orang Melayu harus mengutamakan sejarah British dan Empayarnya daripada mengetahui sejarah Asia dan sejarah Melayu. Namun semasa pemerintahan Jepun, adalah sangat penting untuk orang Melayu mengetahui serta mempelajari seberapa banyak sejarah atau riwayat berkenaan Asia, khususnya bagi negara-negara dalam Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya.[56] Pihak Jepun juga akan membantu orang Melayu untuk mencungkil semula perjalanan riwayat dan tawarikh negeri-negeri Melayu sejak dari zaman purbakala yang belum begitu terang dan jelas bagi mereka. Banyak rahsia dan buku-buku yang mengandungi berita-berita tentang kebesaran bangsa Melayu dari zaman Majapahit dan Sriwijaya telah dirosakkan atau disimpan oleh kuasa-kuasa Barat,[57] supaya bangsa Melayu tidak mengenali akan kebesaran nenek moyangnya dan ketinggian kebudayaannya sebelum Portugis menakluki Melaka.[58] Oleh kerana Jepun merupakan sebuah negara yang tidak pernah ditakluki musuh dan terjajah selama dunia ini berkembang, bangsa Melayu boleh mencontohi dua semangat ini dengan mewarisi semangat

---

Intensify Unwavering Solidarity of One Billion People of East Asia dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 182, 3 Ogos 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Foreign Minister Shigemitsu's Stirring Speech: Six Point Programme for Emancipated Asians in Co-Prosperity Sphere Endorsed dlm. Malai Sinpo Vol. 4, No. 257, 29 Oktober 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Ideals of Greater East Asia: Aim At Enduring World Peace dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 339, 3 Februari 2604, hlm. 2. Lih. juga Anon, Pemuda Harapan Asia Raya dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 6. Lih. juga I. Togo, Kewajipan Pemuda dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 12-13. Lih. juga Anon, Demand For Nippon Youth in East Asia: Big Changes Made In Educational Facilities dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 334, 28 Januari 2604, hlm. 2.

[56] Anon, Sejarah Asia dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 9.

[57] Lih. Dr. Rais Yatim, Khazanah Melayu di Belanda dlm. *Mingguan Malaysia*, 13 April 2014, hlm. 10. Manuskrip dan bahan-bahan tamadun dunia Melayu-Indonesia begitu banyak tersimpan di Universiti Leiden, di Royal Tropical Institute, Museum Volkunde, Tropenmuseum dan pelbagai pusat pengajian kemanusiaan Belanda, British dan Jerman.

[58] Tengkoe Osman Hussin, Malaisia Dibawah Pimpinan Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 15. Lih. juga Md. Salehuddin, Kebesaran Kita Dahulu Kala dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Ulangtahun 1, Bilangan 1 Jilid II, Ichigatsu 2604, hlm. 10-12.

pahlawan-pahlawan Melayu. Bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia yang jauh terpisahnya semasa penjajahan British dan Belanda, juga akan disatukan semula oleh Jepun.[59]

Semasa pemerintahan British, kemakmuran hidup orang Melayu boleh dikatakan 90 peratus bergantung kepada kemajuan perusahaan dan perniagaan bangsa Jepun. Kebanyakan perkakas dan perhiasan dalam rumah orang Melayu adalah buatan Jepun. Politik ekonomi British yang menghalang kemasukan barangan Jepun ke Tanah Melayu dilihat menyekat hak orang Melayu untuk menikmati kemakmuran dunia. Kerana itulah apabila Jepun masuk ke Tanah Melayu, ia disambut dengan penuh kesyukuran kerana perasaan yakin kepada kekuatan dan kelebihan bangsa Jepun telah tertanam dalam hati orang Melayu semenjak kemenangan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun 1904-1905.[60] Orang Melayu juga merasa kagum akan sifat bangsa Jepun di Tanah Melayu yang bekerja bersungguh-sungguh dan tekun serta tidak pernah berkelakuan tidak senonoh, berkelahi atau bertengkar di tengah jalan, hinggakan tiada kehadiran mereka sebagai pesalah di mahkamah. Penulis-penulis Melayu sendiri apabila menulis rencana-rencana yang menyeru bangsa Melayu supaya bersatu atau berusaha, pasti mengambil tabiat bangsa Jepun yang hidup bersatu dan bermuafakat sebagai teladan.[61]

Setelah pentadbiran Tanah Melayu menjadi maju dan keamanan dalam negeri telah dipulihkan semula, maka pihak pentadbiran Jepun membuat keputusan untuk menubuhkan Majlis-majlis Perundingan dan melantik pegawai-pegawai kerajaan daripada orang Melayu. Ini juga

---

[59] Omar Othman, Kembali ke Timur dlm. *Fajar Asia* 11, Hachigatsu 2603, hlm. 353. Lih. juga Huseini Latif, Samurai dan Bushido! dlm. *Fajar Asia* 8, 31 Gogatsu 2603, hlm. 253-254.

[60] K. Ishihara, Sepatah Kata Untuk Bangsa Melayu dlm. *Fajar Asia* 6, 29 Shigatsu 2603, hlm. 170. Lih. juga Anon, Hari Angkatan Laut Nippon dlm. *Fajar Asia* 8, 31 Gogatsu 2603, hlm. 231. Lih. juga Malai Sinpo, Aneka Warta dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 26. Lih. juga Anon, Hari Balatentera dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3 Jilid II, Sangatsu 2604, hlm. 10-11. Lih. juga Dr. Gaus Mahyudin, Mengerahkan Tenaga Raksasa A.T.R. dlm. *Fajar Asia* 2, 10 Sangatsu 2604, hlm. 43-44.

[61] B. Abdullah, Kebudayaan Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 8.

sebagai membalas kerjasama orang Melayu dalam pembinaan semula Tanah Melayu. Situasi ini berlainan dengan lantikan pegawai-pegawai kerajaan zaman British yang hanya mengutamakan orang-orang yang kaya, pandai berbahasa Inggeris dan yang tinggi darjatnya. Dasar Jepun ialah mengambil orang-orang yang bijak dan yang bercita-cita hendak berkhidmat kepada masyarakat.[62]

Satu perubahan baharu yang dibawa oleh Jepun kepada penduduk di Tanah Melayu, Sumatera dan lain-lain kawasan di Selatan Pasifik ialah Waktu Tokyo. Waktu Tokyo lebih cepat 1 jam setengah daripada waktu lama yang ditetapkan oleh British, berdasarkan Waktu Greenwich. Perubahan ini melatih penduduk untuk bangun pagi lebih awal daripada jam 8 pagi mengikut waktu lama, dan mendapat banyak faedah lain. Sebelah petangnya pula apabila habis kerja pada pukul 5 atau 5.30 petang mengikut Waktu Tokyo, penduduk masih mempunyai banyak masa lapang untuk mengambil rehat, bermain, menonton wayang, membaca buku atau berkebun. Sebagaimana Waktu Tokyo melatih orang ramai tidur cepat, ia juga membuang tabiat berjaga malam dan tidur siang.[63]

Pihak berkuasa Jepun percaya bangsa Melayu akan menyahut seruan mereka untuk menjadi askar, sama ada askar darat, laut dan udara untuk mempertahankan negara. Bangsa Melayu harus menyedari bahawa merekalah yang sebenarnya harus menggalas tugas mengawal tanah air dan menjaga keselamatan isi negeri, selaras dengan kedudukan mereka sebagai anak negeri.[64] Setelah Tanah Melayu bersahabat mesra dengan Jepun, terdapat pertukaran kebudayaan dan pengetahuan. Kunjungan pihak-pihak dari Tanah Melayu ke Jepun

---

[62] Anon, Nippon Memenohi Janjinya Kepada Pendudok2 Rantau Selatan dlm. *Semangat Asia* Bilangan 9, Kugatsu 2603, hlm. 12-13. Lih. juga Anon, Chahaya Chemerlang Di-Asia dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Ulangtahun 1, Bilangan 1 Jilid II, Ichigatsu 2604, hlm. 5. Lih. juga Anon, Participation of People in the Administration dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 189, 11 Ogos 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Malaians to Participate in Local Administration: Advisory Council for Each Province and Municipality dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 236, 4 Ogos 2603, hlm. 2.

[63] Anon, Waktu Tokyo dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 13-14.

[64] Anon, Kewajipan Pemuda2 Malai dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 5.

pada masa ini terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah untuk mengajar bahasa Melayu. Atas hasil usaha golongan pertama ini, ramai individu Jepun yang datang ke Tanah Melayu semasa perang sudah mengerti dan pandai bercakap bahasa Melayu. Dalam golongan yang kedua, bangsa Melayu berkunjung ke Jepun untuk belajar dan meluaskan pengetahuan. Ada juga yang datang hanya untuk meluaskan pemandangan, bukannya memasuki sekolah.[65]

Selepas keberangkatan Sultan Abu Bakar dari Johor ke Jepun pada tahun 1883,[66] buku ‘Matahari Memanchar’ telah diterbitkan. Isi kandungan buku ini menerangkan ketinggian dan ketertiban bangsa Jepun, jalan kemajuan dan aturan adatnya. Buku ini telah dijadikan satu daripada buku-buku bacaan bagi sekolah-sekolah Melayu peringkat tertinggi di Johor. Perbuatan Sultan Abu Bakar ini menunjukkan orang Melayu harus mengambil adat resam dan tingkah laku bangsa Jepun yang elok ini. Setelah melawat beberapa buah negara-negara maju di serata Barat dan Timur, sudah tentu baginda boleh memilih atau membandingkan mana-mana perkara yang elok untuk dijadikan contoh tauladan kepada bangsanya sendiri.[67]

Di bawah pemerintahan Jepun, masyarakat Melayu diseru untuk bersatu dalam menempuh segala kesusahan dan halangan dalam mendirikan Tanah Melayu baru. Masyarakat Melayu juga harus memahami erti Perang Asia Timur Raya dan tujuan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya.[68] Jika pemerintah British dan

---

[65] Atamelayu, Anak2 Melayu Yang Telah Ke-Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 12-13. Lih. juga A. Nizam, Perhubungan Malai dengan Nippon dlm. *Fajar Asia* 10, Sichigatsu 2603, hlm. 312-314.

[66] Ibid., hlm. 312-314. Lih. juga Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato’ Onn Ja’afar*, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 82. Lih. juga Kapten Hj. Md. Said bin Hj. Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, t.tp., t.pt., 1939, hlm. 39.

[67] B. Abdullah, Kebudayaan Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 8.

[68] Anon, Menyusun Masharakat Baru dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga H. M. Ishak, Mengajar Bangsa Dengan Perbuatan: Tauladan Mansor Bin Haji Bakri dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 8-9.

Belanda hanya mengutamakan keuntungan mereka sahaja dan membunuh segala kemahuan dan cita-cita bangsa Melayu, manakala pemerintah Jepun pula membuka peluang yang seluas-luasnya untuk bangsa Melayu menunjukkan pengetahuan dan kepandaiannya bagi kebaikan bersama.[69] Jepun telah membuka segala peluang dan kesempatan kepada bangsa Melayu untuk menunjukkan bahawa mereka juga mempunyai otak yang cukup cerdas, setanding dengan bangsa-bangsa lain.[70] Sebagai menghargai usaha Jepun ini, bangsa Melayu harus menunjukkan kerjasama dengan menyumbangkan tenaga mereka ke dalam kekuatan tentera perang Jepun dalam menghadapi Perang Asia Timur Raya. Bagi mengalakkan penglibatan bangsa Melayu, pemerintah Jepun telah mendirikan Tentera Pembela Tanah Air di Tanah Melayu, Tentera Sukarela di Jawa dan Askar Rakyat di Sumatera. Terdapat juga sumbangan pemerintah Jepun terhadap bangsa Melayu dari segi penjagaan kebersihan dan kesihatan.[71] Bangsa Melayu diajak bersenam melalui latihan badan bangsa Jepun yang dinamakan Radio Taiso. Bersenam dilihat bukan sahaja dapat menyihatkan badan, tetapi juga memanjangkan umur.[72]

Pentadbiran Jepun menghendaki supaya bangsa Melayu kembali kepada kebudayaan Timur yang asli, iaitu menghargai raja-raja. Sebelumnya, raja-raja Melayu telah dipisahkan dengan jauh dari rakyat

---

[69] Anon, Jika Ada Kemahuan Dan Tenaga... dlm. *Semangat Asia* Bilangan 5, Gogatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Mara Terus dlm. *Semangat Asia* Bilangan 7, Shichigatsu 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Pati Uchapan P.M. Tojo dlm. *Semangat Asia* Bilangan 7, Shichigatsu 2603, hlm. 2-3. Li. Juga Anon, Jika Memberi Lebeh Akan Mendapat Lebeh Pula dlm. *Semangat Asia* Bilangan 9, Kugatsu 2603, hlm. 4. Lih. juga Dr. Gaus Mahyuddin, Semangat Melayu Baru dlm. *Fajar Asia* 1, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 16. Lih. juga Mahat Cha'dang, Teruskan Hingga Berjaya dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 1, 1 Jugatsu 2602, hlm. 10. Lih. juga Dzulkifli Ownie, Beramai2 Masuk "Giyu-Gun" dlm. *Fajar Asia* 16, Ichigatsu 2603, hlm. 494.

[70] Anon, Menuju Lembaga Baru zaman Kemerdekaan India dlm. *Fajar Asia* 10 Sichigatsu 2603, hlm. 296-297.

[71] A. Manan Noordin, Kemajuan Bangsa Kita Dibawah Pimpinan Nippon dlm. *Fajar Asia* 14, Juichigatsu 2603, hlm. 432-433.

[72] Anon, Mari Bersenam Bersama2 dlm. *Semangat Asia* Bilangan 5, Gogatsu 2603, hlm. 11-12. Lih. juga Anon, Malai Sekarang dlm. *Semangat Asia* Bilangan 9, Kugatsu 2603, hlm. 3.

akibat kekuasaan kuasa-kuasa Barat. Usaha pemerintah Jepun untuk merapatkan kembali hubungan di antara bangsa Melayu dengan raja-raja mereka adalah selaras dengan budaya bangsa Jepun sendiri yang menghargai Tenno Heika (Maharaja Jepun).[73] Pada masa ini juga Sultan-sultan Tanah Melayu memberikan sokongan kuat kepada pentadbiran Jepun. Ini boleh dilihat dari ucapan Sultan Ibrahim dari Johor bagi pihak Sultan-sultan Tanah Melayu ketika baginda semua berjumpa dengan Perdana Menteri Tojo pada 5 Julai 1943 di Singapura dalam lawatannya ke Kawasan Selatan. Dalam ucapannya, Sultan Ibrahim menyatakan bangsa Melayu akan berdiri teguh dan taat setia di bawah pimpinan Jepun yang telah berjaya menghapuskan kekuasaan kuasa-kuasa Barat dari Asia Timur Raya dan kini sedang membina dan mendirikan Asia baru. Oleh yang demikian bangsa Melayu dengan sebulat hati akan bekerjasama dengan Jepun dalam mencapai kejayaan pembinaan Asia baharu ini.[74]

Atas jemputan kerajaan Jepun, terdapat juga rombongan pelawat dari Tanah Melayu dan Sumatera yang telah mengunjungi Jepun untuk melihat sendiri keadaan semasa perang di sana.[75] Pandangan Ibrahim

---

[73] Anon, Keluarga Asia Timur Raya dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 59-62. Lih. juga Anon, Berita dalam Negeri dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 10.

[74] Anon, P.M. Tojo-Sultan2 Melayu dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 14. Lih. juga Azhar Mad Aros Sejarah Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945 dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 27, 1999, hlm. 95. Lih. juga Anon, Premier Meets Sultans of Malai dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 159, 7 Julai 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Premier Tojo Arrives in Syonan dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 158, 6 Julai 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Premier Explains Purpose of Visit to South dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 160, 8 Julai 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Premier Tojo Reports to The Cabinet: Moved by Sincere Co-operation of People of Southern Regions dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 165, 14 Julai 2603, hlm. 1.

[75] Lih. juga Anon, Malai Baharu dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2 Jilid II, Nigatsu 2604, hlm. 1. Lih. juga Anon, Indonesian Party Arrives in Nippon: Impressed by Astounding Growth of Country dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 194, 16 Ogos 2603, hlm. 3. Lih. juga Anon, Malai Visitor Gives His Impressions of Nippon: Land of Exquisite Beauty and Excessive Enchantment dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 303, 22 Disember 2603, hlm. 2. Lih. juga Anon, To Further Mutual Understanding: Nippon Will Invite Leaders and Students From South dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 333, 27 Januari 2604, hlm. 2. Lih. juga Anon, Students Graduate in Nippon-Go: Malai Heads Honours List of

Yaacob mengenai Jepun setelah lawatan itu disentuh dalam artikel 'Pendapatan Dari Nippon'.[76] Pandangan-pandangannya bertujuan membentuk semula masyarakat Melayu menjadi satu bangsa yang mempunyai jiwa dan tenaga sebagaimana bangsa Jepun. Bagi menghapuskan pengaruh Barat dan menanam sifat cintakan budaya Timur, maka filem-filem Inggeris dan Amerika akan diharamkan di Tanah Melayu, dan digantikan dengan filem-filem Jepun.[77] Nilai-nilai Jepun dalam filem-filem mereka juga dijadikan contoh untuk kehidupan masyarakat tempatan pada masa ini.[78]

Masyarakat Melayu juga digesa meneladani adab tertib dan sopan santun yang diamalkan oleh bangsa Jepun semasa berada di dalam keretapi.[79] Masyarakat Melayu juga digesa berkerja bersungguh-sungguh untuk menyumbang jasa kepada kerajaan Jepun kerana orang Jepun dikatakan sangat mengenang budi. [80] Terdapat dua perkataan

---

Five dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 361, 29 Februari 2604, hlm. 2. Lih. juga Anon, Leaders of New Malai: Four Youths Going to Nippon dlm. *Malai Sinpo* Vol. 6, No. 407, 22 April 2604, hlm. 2.

[76] Ibrahim Bin Haji Ya'acob, Pendapatan Dari Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 10-12, Jugatsu-Junigatsu 2603, hlm. 9-11.

[77] Anon, Last of English Films in Malai: Only Nippon and Axis Productions in Future dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 203, 27 Ogos 2603, hlm. 2. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai kawalan MMA ke atas industri perfileman Tanah Melayu, sila lih. Gordon T. Gray, *Malaysian Cinema and Negotiations with Modernity: Film and Anthropology*, Tesis Ph.D., Edinburgh Napier University, 2002, hlm. 89-98. Lih. juga Anon, Future of the Cinema in Malai dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 201, 25 Ogos 2603, hlm. 1.

[78] A. Samad Ismail, Kewajipan Film2 Nippon: Mengenalkan Nippon Kepada Kita, Mendalamkan Fahaman "Tertib Baharu" dan Memulehkan Semangat Asia dlm. *Semangat Asia* Bilangan 10-12, Jugatsu-Junigatsu 2603, hlm. 23-25. Lih. juga Anon, Haha Kogusa dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Ulangtahun 1, Bilangan 1 Jilid II, Ichigatsu 2604, hlm. 22-23. Lih. juga Anon, Successful Cinema Experiment: Malai Dialogue in Nippon Film dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 208, 2 September 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Nippon No Haha: An Inspiring Film: Depicts A Mother's Loving Kindness dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 286, 2 Disember 2603, hlm. 2.

[79] Anon, Jika Tuan Naik Kretapi dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 19.

dalam bahasa Jepun yang menunjukkan ketinggian budi akhlak mereka berbanding bangsa-bangsa lain. Dua perkataan yang diucapkan setiap kali menerima budi atau menerima pemberian orang lain kepadanya ialah *Mottainai* (Terlalu baik) dan *Arigato* (Terima kasih). Bangsa Melayu disaran untuk mencontohi sikap berterima kasih bangsa Jepun apabila menerima budi atau menerima pemberian orang lain.[81] Selain itu, segala adat resam Melayu yang tidak baik seperti boros pada pekerjaan dan perkahwinan haruslah dibuang, dan digantikan dengan perkara yang lebih baik seperti berjimat cermat dan berniaga. Kepercayaan karut-marut yang ada juga haruslah digantikan dengan ilmu yang diperolehi melalui pendidikan.[82]

Masyarakat Melayu juga boleh mencontohi semangat Yasukuni bangsa Jepun, iaitu semangat cintakan kedamaian dan keamanan sesebuah negara. Dengan mencontohi semangat Yasukuni, bangsa Melayu akan rela mengorbankan jiwanya untuk tanah air, bersedia menanggung segala kesusahan dan penderitaan bangsa mereka dan melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh kerana perkhidmatan itu adalah untuk bangsa dan tanah air. Semangat cintakan tanah air bukanlah suatu dasar kemuliaan dan kebahagiaan bangsa Jepun, tetapi sifat itu juga suatu bahagian dari taat setia kepada Maharaja Jepun. Taat setia itu adalah suatu adat bagi rakyat Jepun terhadap Maharaja dan kaum keluarganya.[83] Bangsa Melayu juga harus mencontohi bangsa

---

[80] Anon, Bekerjalah Kerana Tanahair, Jangan Kerana Wang dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 7.

[81] Jaafar bin A. Ghani, Taman Kanak2: Budi Akhlaq Bangsa Nippon dlm. *Fajar Asia* 16 Ichigatsu 2603, hlm. 521-522.

[82] Tuan Zainal'abidin bin Ahmad (Za'aba) dan Tuan Sulaiman bin Hamzah, Perbenaan Malai Baru dlm. *Semangat Asia* Bilangan Khas, 15 Nigatsu 2603, hlm. 2-3.

[83] Anon, Semangat Yasukuni dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Menyambut Tencho Setsu, 29 Shigatsu 2603, hlm. 8-9. Lih. juga Muhammad Salehuddin, Semangat Kesetiaan: Berjuang Hingga Puteh Tulang dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4 Jilid II, Shigatsu 2604, hlm. 9. Lih. juga Anon, Propagation of Nippon Culture dlm. *Malai Sinpo* Vol. 3, No. 212, 7 September 2603, hlm. 1. Lih. juga Jaafar bin A. Ghani, Ta'at Setia dlm. *Fajar Asia* 16 Ichigatsu 2603, hlm. 522. Lih. juga Hanafi Tsuyaku, Semangat Nippon: Yamato Damashii dlm. *Fajar Asia* 7, 16 Gogatsu 2603, hlm. 223-224.

Jepun dalam sifat kawalan diri. Kawalan diri merupakan sifat utama bangsa Jepun berbanding bangsa-bangsa lain di muka bumi.[84]

Dengan terhapusnya bahasa Inggeris dan Belanda dari Asia Timur Raya, maka bahasa Melayu mendapat peluang yang sangat baik untuk hidup dengan semangat yang baru dan berkembang ke serata rantau Selatan untuk bersaing dengan bahasa Jepun. Tingginya kebudayaan sesuatu bangsa itu boleh diukur daripada bidalan, perumpamaan dan pepatah yang ada di dalam bahasanya. Terdapat banyak bidalan Jepun yang serupa atau ada timbangannya pada bahasa Melayu. Bahasa Jepun juga mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Melayu, baik dalam sebutannya, bunyinya, mahupun perkataannya.[85] Dengan tujuan hendak mengembangkan penggunaan bahasa Jepun di kalangan penduduk Tanah Melayu, maka penggunaan bahasa-bahasa kuasa-kuasa Barat di dalam surat-surat kiriman telah dilarang. Segala surat kiriman termasuk poskad hendaklah ditulis dalam bahasa Jepun, atau Melayu, Cina, India ataupun Thai.[86]

Bangsa Melayu diseru untuk mempelajari bahasa Jepun kerana bahasa Jepun dilihat sebagai lidah bagi seluruh bangsa yang mendiami Asia Raya di masa akan datang. Ahli-ahli persuratan dan kebudayaan Melayu haruslah mempelajari hal-hal persuratan dan kebudayaan Jepun. Kebudayaan Jepun yang bersemangatkan Bushido hendaklah diserap dan dijadikan kebudayaan Melayu yang sempurna, dan persuratan Jepun hendaklah seberapa segera diperkenalkan kepada bangsa Melayu bagi meneliti segala isi kandungannya dan menggantikan segala ajaran orang Barat. Satu cara yang paling senang untuk memperkenalkan persuratan Jepun kepada bangsa Melayu ialah melalui huruf Katanaka yang boleh dijadikan huruf pertuturan bangsa Melayu, sama seperti huruf Arab atau huruf Jawi.[87]

---

[84] Hajjah Zain binti Sulaiman, Kawalan Diri dlm. *Fajar Asia* 3, 10 Sangatsu 2603, hlm. 89.

[85] Anon, Belajarlah Bahasa Nippon dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 44.

[86] Isako, Fahaman Baru dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 4. Lih. juga Anon, Bidalan 2: Nippon-Melayu dlm. *Semangat Asia* Bilangan 1, 18 Ichigatsu 2603, hlm. 10. Lih. juga Anon, Larangan Memakai Bahasa Inggris dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 20.

Bangsa Melayu diseru untuk memakai bahasa Jepun sebagai pengganti bahasa Inggeris kerana British dilihat tidak akan kembali semula ke Tanah Melayu. Banyak faedah boleh didapati jika mengetahui bahasa Jepun, terutamanya setelah bangsa Melayu mendapat peluang untuk kembali kepada kebudayaan Timur dan masalah utama mereka hanyalah tidak menguasai bahasa Jepun. Bangsa Melayu perlu mempelajari huruf dan bahasa Jepun supaya dengan secepat-cepatnya supaya mereka akan dapat menyelami lubuk pengetahuan bangsa Jepun yang terkandung dalam buku-bukunya. Segala ilmu bangsa Jepun yang dahulunya sengaja ditutup dari bangsa Melayu oleh penjajah Barat, kini telah dibuka dengan selebar-lebarnya oleh pemerintah Jepun untuk bangsa Melayu.[88] Mereka juga akan dapat berdiri sama tinggi dan sama rendah dengan bangsa Jepun, suatu peluang yang tidak pernah diberikan oleh British dahulu. Dalam usaha mengalakkan masyarakat untuk menguasai bahasa Jepun, buku-buku mempelajari bahasa Jepun telah banyak diterbitkan, terutamanya yang berketerangan dengan bahasa Inggeris.[89]

Bahasa Jepun pada masa ini adalah suatu bahasa yang sangat mustahak dipelajari oleh segala bangsa di Asia Timur. Ini kerana pada

---

[87] Mahmud bin Ahmad, Huruf Katanaka dan Bahasa Melayu' dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 2, Juichigatsu 2602, hlm. 9. Lih. juga Prof. Bachik bin Wanchik, Nippon-Go Lidah Asia Raya dlm. *Fajar Asia* 1, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 12. Lih. juga Anon, Belajarlah Bahasa Nippon dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 44.

[88] A. Manan Noordin, Kemajuan Bangsa Kita Dibawah Pimpinan Nippon dlm. *Fajar Asia* 14, Juichigatsu 2603, hlm. 432-433. Lih. juga Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hlm. 227, 229.

[89] Pemuda Malai, Halaman Bahasa Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 26. Lih. juga Dr. Ibrahim, Seruan Dari Ahli-ahli Ilmu: Bangunlah Bangsa Melayu! dlm. *Fajar Asia* 1, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 24.

[89] Tuan Zainal'abidin bin Ahmad (Za'aba) dan Tuan Sulaiman bin Hamzah, Perbenaan Malai Baru dlm. *Semangat Asia* Bilangan Khas, 15 Nigatsu 2603, hlm. 2-3. Lih. juga Anon, Memperkatakan Buku dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 16. Lih. juga Pemuda Malai, Halaman Bahasa Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 26.

masa inilah segala bangsa yang bernaung di bawah kerajaan Jepun akan bekerjasama atas apa jua perintahnya. Ia juga bertujuan mencapai matlamat Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya di mana ia adalah satu kawasan yang sedang dibina semula oleh kerajaan Jepun. Jika ada satu bangsa yang duduk di negeri yang telah diperintah oleh kerajaan Jepun masih berpeluk tubuh dan tidak menghiraukan apa jua perintah kerajaan, maka bangsa itu tentu akan menjadi satu bangsa yang tidak berguna. Oleh kerana bahasa Jepun telah beransur-ansur diketahui oleh setiap anak negeri akan kepentingannya, maka sudah tentu mereka akan berlumba-lumba menuju ke tempat-tempat pelajaran yang telah disediakan oleh kerajaan Jepun di serata rantau dan jajahan yang diperintahnya.[90]

Kepada kaum wanita Melayu, diperkenalkan sifat-sifat kaum wanita Jepun untuk dijadikan panduan dan menanam semangat baru. Diakui dunia bahawa kaum wanita Jepun tiada tolok bandingnya. Mereka adalah lemah lembut, penyayang, taat kepada kewajipannya dan mempunyai segala sifat-sifat baik yang menjadikan mereka ibu yang sempurna. Semangat mengorbankan kepentingan diri sendiri yang ditunjukkan oleh ibu-ibu mereka telah membentuk anak-anak Jepun untuk menjadi askar yang bersedia mengorbankan jiwanya untuk tanahair. Keperibadian seorang wanita Jepun dibentuk berdasarkan pergaulan hidupnya dan segala adat resam yang berkaitan dengannya.[91]

Terdapat perbezaan dalam soal pendidikan kaum wanita Jepun dengan kaum wanita Barat. Di Barat, masyarakatnya berfikir bahawa taraf kaum wanitanya telah dinaikkan apabila kaum wanita mendapat

---

[90] Md. Noor bin Awang, Nippon-Go dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 3, 27 Ichigatsu 2603, hlm. 11.

[91] Anon, Kaum Ibu Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 2, 1 Nigatsu 2603, hlm. 24-25. Lih. juga Anon, Dimana Ibu Dihormati dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 27. Lih. juga Anon, Nippon Women --- Silent Workers Behind The Front Lines: Polite, Cheerful and Always Ready to Offer Helping Hand dlm. *Penang Shimbun* Jilid III, No. 5, 6 Januari 2604, hlm. 2. Lih. juga Anon, Rampai-Rampaian dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Ulangtahun 1, Bilangan 1 Jilid II, Ichigatsu 2604, hlm. 21. Lih. juga Mas Neng Nurafisah, Kehalusan Budi Pekerti Puteri Nippon dlm. *Fajar Asia* 6, 29 Shigatsu 2603, hlm. 192. Lih. juga Amnah Idrus, Pendidikan dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 56.

kebebasan yang sama dengan kaum lelaki, iaitu melakukan pekerjaan yang serupa. Di Jepun pula, kaum wanita dan lelakinya mempunyai kedudukan yang tidak sama dalam hidup mengikut sifat masing-masing. Keadaan ini dipegang kuat mengikut adat, dan kerana inilah kaum wanita Timur tinggi darjatnya dan dipandang mulia.[92] Bangsa Jepun sentiasa menghendaki seorang wanita yang baharu, yang terpelajar dan tahu akan peredaran zaman, pandai mendidik anak-anaknya supaya menjadi keturunan yang baik bagi zaman akan datang.[93]

Semangat bangsa Jepun yang cintakan tanah airnya dan kasih sesama manusia adalah hasil didikan kaum wanita Jepun. Kaum wanita Jepun juga memandang kehidupannya belum sempurna jika mereka belum membantu kaum lelaki dalam apa jua pekerjaan dengan bersungguh-sungguh. Perasaan cinta, keikhlasan dan perkhidmatan kaum wanita Jepun ke atas tanah airnya serta kesetiaan kepada suaminya memberikan pengaruh yang besar ke atas semangat tentera Jepun untuk mencapai kemenangan akhir dalam Perang Asia Timur Raya. Perubahan nasib bangsa Melayu tidak akan tercapai jika kaum wanitanya tidak mengubah budi pekerti dan tingkah lakunya dalam rumah tangga dan masyarakat. Kaum wanita Melayu harus mencontohi kaum wanita Jepun dari aspek semangat, cintakan masyarakat dan sedia berkorban demi masyarakat.[94] Kaum wanita Melayu bukan sahaja perlu mementingkan urusan rumah tangga, namun juga harus keluar memasuki pelbagai lapangan seperti sukan, keagamaan, perusahaan, pertanian dan lain-lain yang boleh membawa kemajuan kepada bangsa mereka.[95]

---

[92] Muneomi Kaigo, Menyekolahkan Gadis2 Dalam Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 15-16.

[93] Prof. Bahriah Idriss, Kedudukan Kaum Puteri Nippon dlm. *Fajar Asia* 13, 25 Jugatsu 2603, hlm. 408-409.

[94] Mas Neng Nurafisah, Chinta Dan Pengorbanan dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 65-66. Lih. juga Rahmah Hanim, Kaum Puteri Malai Dizaman Baharu dlm. *Fajar Asia* 16 Ichigatsu 2603, hlm. 512-513.

[95] Anon, Kesan Di-Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 5, Gogatsu 2603, hlm. 12. Lih. juga Anon, From The Feminine View Point: Women Must Follow Their Nippon Sisters dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 347, 12 Februari 2604, hlm. 2. Lih. juga Anon, Kaum Ibu Sekarang dlm. *Semangat Asia*

Kaum wanita Melayu harus kembali semula kepada budaya Timur dengan membawa kehalusan budi dan cinta yang suci di dalam rumah tangga mereka. Kaum wanita Melayu tidak harus menjadi seperti kaum wanita Barat yang dilihat lebih mementingkan keduniaan dan gemar berpeleseran. Corak pendidikan yang telah dibentuk oleh orang Barat ini harus dibuang, dan kaum wanita Melayu haruslah mengubah langkah-langkah mereka yang telah silap, dan kembali semula kepada budaya Timur.[96] Akibat percampuran antara kaum wanita Melayu dengan bangsa Barat, ramai kaum wanita Melayu yang telah rosak maruahnya kerana melupakan peranannya sebagai seorang perempuan,[97] seterusnya menyebabkan mutu bangsa Melayu menjadi rendah kerananya.

Kaum wanita Melayu digesa menjadi seperti Maria Clara dan Raden Ajeng Kartini[98] dalam perjuangan pembinaan bangsa Melayu baharu. Mereka juga harus berjasa dalam mendirikan Asia Timur Raya sebagaimana peranan kaum wanita Jepun, Thailand, China dan Filipina. Bangsa Melayu pula diseru untuk memberi kebebasan kepada anak-anak gadis mereka untuk menuntut ilmu, bermain sukan, berniaga, berusaha, bermain muzik, bergerak dan berjuang di dalam masyarakat, menjadi guru dan memimpin di dalam kesenian. Anak-

---

Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 9. Lih. juga Anon, Fighting Spirit of Malai Women: Ready To Serve Country Alongside Men dlm. *Malai Sinpo* Vol. 5, No. 326, 19 Januari 2604, hlm. 2. Lih. juga Puteri Minang, Kemajuan Kaum Ibu dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 2, Juichigatsu 2602, hlm. 16. Lih. juga Rohana Djamil, Hormatilah Rumah tangga dlm. *Fajar Asia* 8, 31 Gogatsu 2603, hlm. 254-255. Lih. juga Prof. Bahriah Ideriss, Kedudukan Kaum Puteri Nippon dlm. *Fajar Asia* 12, 20 Kugatsu 2603, hlm. 382-383. Lih. juga Mas Neng Nurafisah, Rumahtangga Adalah Sendi Masharakat dlm. *Fajar Asia* 4, 27 Sangatsu 2603, hlm. 121-122.

[96] Puteri Minang, Insaflah Wahai Kaum Ibu! dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 3, 27 Ichigatsu 2603, hlm. 18.

[97] Puteri Minang, Puteri Timor dlm *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 1, 1 Jugatsu 2602, hlm. 21.

[98] Raden Ayu Kartini adalah seorang tokoh suku Jawa dan Pahlawan Nasional Indonesia. Kartini dikenali sebagai pelopor kebangkitan perempuan pribumi di Indonesia.

anak gadis Melayu harus diberi kelonggaran untuk berbakti kepada Nusa dan Bangsa.[99]

Kaum wanita Melayu juga berkebolehan seperti kaum wanita Jepun dalam menyumbangkan khidmat mereka kepada masyarakat, nusa dan bangsa. Ini dibuktikan melalui aktiviti kutipan derma kaum wanita Melayu di Singapura pada 27 Gogatsu (Mei) 1943. Beberapa orang kaum puteri Melayu bernama Amnah, Yan Chik, Mas Neng dan Nursiah telah berusaha menjalankan kutipan derma untuk keperluan askar-askar Jepun dan mendapat hasil sebanyak $154.27. Aktiviti mereka berupa penjualan bunga ketika wayang-wayang dan juga kunjungan ke rumah-rumah yang dijalankan dalam keadaan cuaca panas dan hujan, waktu pagi dan malam. Langkah mereka yang pertama itu diikuti pula oleh kaum wanita Melayu di Pulau Pinang. Mereka juga telah menjalankan kutipan derma pada hari Ulangtahun Titah Diraja pada 8 Rokugatsu (Jun). Derma itu dikutip oleh seramai 240 orang wanita Melayu dengan menjual bendera-bendera kecil Hinomaru, dan mendapat kutipan hasil sebanyak $3,500. Kedua-dua perbuatan ini adalah jawapan tepat kepada pihak yang masih ragu-ragu terhadap kesanggupan kaum wanita Melayu untuk berkhidmat kepada masyarakatnya.[100] Pemerintah Melayu digesa supaya membangunkan rombongan yang pertama dari kaum wanita bagi menyaksikan keadaan Jepun dengan mata kepalanya sendiri. Peluang yang sudah diberikan kepada kaum lelaki Melayu sebelumnya juga selayaknya diberikan pula kepada kaum perempuan yang juga mempunyai tanggungan yang sangat berat di belakang garisan peperangan.[101]

Kepada golongan kanak-kanak Melayu, diingatkan bahawa mereka kini berada dalam zaman baru setelah pendudukan Jepun. Segala perkara yang dibawa semasa zaman British haruslah dibuang. Bahasa Inggeris dan Belanda haruslah ditukar dengan bahasa Jepun. Segala tingkah laku dan tabiat yang buruk-buruk semasa zaman British

---

[99] Tengku Osman Hussin, Perjuangan Dr. Jose Rizal: Bapa Melayu Raya di Philippina Yang Terkenal dlm. *Fajar Asia* 4, 27 Sangatsu 2603, hlm. 104-105.

[100] Rohana Djamil, Berkhidmat Kepada Masharakat dlm. *Fajar Asia* 10 Sichigatsu 2603, hlm. 316.

[101] Rohana Djamil, Bilakah Rombongan Puteri ke Nippon? dlm. *Fajar Asia* 2, 10 Sangatsu 2604, hlm. 60-61.

dahulu haruslah dibuang dari hati mereka. Anak-anak Melayu digesa untuk meneladani kekuatan, kepandaian dan keberanian layang-layang ikan koi daripada bermain layang-layang mereka yang hanya menghabiskan waktu mereka sahaja.[102] Semangat hanya mengharapkan bantuan daripada British haruslah digantikan dengan semangat berdikari yang boleh dicapai melalui pendidikan.

Satu dari sebab keteguhan bangsa Jepun ialah kerana pendidikan anak-anaknya. Sejak dari kecil anak-anak itu sudah dididik menjadi rajin dan tekun, bersungguh-sungguh dan giat bekerja. Bangsa Melayu diseru supaya mendidik anak-anak mereka untuk belajar rajin-rajin dan bekerja dengan tekun bagi menjadikan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa Jepun.[103] Pengetahuan dalam segala lapangan hidup sangat dikehendaki pada zaman Jepun ini.[104] Disebabkan Jepun melihat peperangan ini adalah demi anak-anak Asia Timur Raya, maka anak-anak Melayu mestilah menunjukkan khidmat untuk membantu peperangan sekarang.[105] Golongan kanak-kanak Melayu juga boleh menyokong kegiatan derma untuk tentera Jepun, sebagai tanda terima kasih kepada tentera Jepun yang telah memberikan sebuah dunia baru kepada mereka. Bersempena dengan Hari Keputeraan Maharaja Jepun, ramai di antara golongan kanak-kanak Melayu yang telah berpeluang melawat anggota tentera Jepun yang cedera di rumah sakit, seterusnya menghiburkan mereka dengan nyanyian-nyanyian yang merdu. Contohnya ialah lawatan kanak-kanak perempuan dari Sekolah Perempuan Rochor pada 29 April 1943.[106]

---

[102] Ja'afar Abd. Ghani, Taman Kanak2: Hari Perayaan Anak Laki2 Di Nippon dlm. *Fajar Asia* 7, 16 Gogatsu 2603, hlm. 229-230.

[103] Ja'afar Abd. Ghani, Taman Kanak2: Anak2 Nippon dlm. *Fajar Asia* 6, 29 Shigatsu 2603, hlm. 197-198.

[104] Bung Sakura, Semangat Baru dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 23. Lih. juga Bung Sakura, Rajin Pangkal Pandai Hemat Pangkal Kaya dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 27. Lih. juga Bung Sakura, Ingat Sebelum Kena dlm. *Semangat Asia* Bilangan 8, Hachigatsu 2603, hlm. 27.

[105] Jaafar bin A. Ghani, Taman Kanak2 dlm. *Fajar Asia* 2, 10 Sangatsu 2604, hlm. 63-64.

[106] Bung Sakura, Tencho Setsu dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Menyambut Tencho Setsu, 29 Shigatsu 2603, hlm. 20. Lih. juga Bung Sakura,

Polisi Jepun terhadap agama Islam telah diterangkan oleh Masayuki Tani, Menteri Luar dan Kazuo Aoki, Menteri Hal Ehwal Asia Timur Raya, bahawa kerajaan Jepun menghormati agama bangsa-bangsa Asia Timur Raya dan akan memberi bantuan dengan sepenuh hati untuk kemajuan segala perkara yang bersangkutan dengan Islam.[107] Terdapat kerjasama antara pemerintah Jepun dengan kaum ulama di Tanah Melayu dan Sumatera, keadaan yang dahulunya tidak pernah berlaku di zaman British. Pemerintah Jepun menggesa kaum ulama untuk mengajak dan menyeru masyarakatnya supaya memahami erti Perang Asia Timur Raya, serta menanamkan semangat Bushido dan budaya kerja Jepun di hati bangsa Melayu.[108] Kerjasama ini diharapkan akan melahirkan suatu barisan yang kukuh dalam kerjasama menuju kemenangan akhir Perang Asia Timur Raya dan juga membina kedudukan Islam dalam masyarakat baru.[109] Digambarkan bahawa bendera Hinomaru (bendera Jepun) mewakili matahari memancar dan

---

Semangat Pengorbanan Nippon dlm. *Semangat Asia* Bilangan 5, Gogatsu 2603, hlm. 21-22.

[107] Anon, Islam Di-China Dan Manchoukuo dlm. *Semangat Asia* Bilangan 3, Sangatsu 2603, hlm. 16. Lih. juga Hamka, Nippon akan membantu Muslimin dlm. *Fajar Asia* 11, Hachigatsu 2603, hlm. 331-332.

[108] Omar Othman, Ulama Islam dan Asia Timur Raya dlm. *Fajar Asia* 5, 13 Shigatsu 2603, hlm. 151.

[109] Zubir Salam, Perjumpaan Islam dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 7-8. Lih. juga Anon, Islam-Nippon Seia Sekata dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Menyambut Tencho Setsu, 29 Shigatsu 2603, hlm. 18-19. Lih. juga Anon, Utusan2 Islam dlm. *Semangat Asia* Bilangan 4, Shigatsu 2603, hlm. 8. Lih. juga Anon, Islam-Nippon Seia Sekata dlm. *Semangat Asia* Keluaran Khas Menyambut Tencho Setsu, 29 Shigatsu 2603, hlm. 18-19. Lih. juga Anon, Only Dai Nippon to Thank: Selangor Sultan's Message on Hari Raya Puasa dlm. *Malai Sinpo* Vol. 4, No. 233, 1 Oktober 2603, hlm. 1. Lih. juga Anon, Grand Mufti's Call to Moslems: Rise in Arms Against Anglo-Americans dlm. *Malai Sinpo* Vol. Vol. 6, No. 406, 21 April 2604, hlm. 2. Lih. juga Tuan Besar Taisa Okubo Sendenbucho, Menghapuskan Shaitan2 Dunia dlm. *Fajar Asia* 5, 13 Shigatsu 2603, hlm. 137-138. Lih. juga Huseini Latif, Bendera Islam Berkibar di Nippon dlm. *Fajar Asia* 9, 28 Rokugatsu 2603, hlm. 288.Lih. juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic* History, London, C. Hurst & Co. Publishers, 1998, hlm. 110.

bendera Islam mewakili bulan dan bintang. Bulan dan bintang bererti malam yang terang benderang, dan matahari memancar ertinya siang hari. Dengan mempunyai kedua bendera itu, sama ertinya bangsa Melayu mempunyai segenap hari untuk menyinari alam seluruhnya.[110]

Berlainan dengan pendidikan cara Barat, dasar pendidikan Jepun di Tanah Melayu ialah memajukan akhlak, jasmani dan rohani. Kemajuan akhlak akan menghasilkan kepandaian, kebaikan jasmani akan mendatangkan badan yang sihat dan kesucian rohani akan meninggikan budi pekerti.[111] Pendidikan di Jepun bukanlah berupa ilmu pengetahuan sahaja, tetapi juga mendapat pengajaran di luar sekolah.[112] Pada masa ini juga Jepun dilihat sebagai pusat ilmu yang sangat berguna untuk kebangkitan dan kemajuan setiap bangsa di Asia. Golongan pemuda setiap bangsa di Asia telah berlumba-lumba ke Tokyo untuk mempelajari semangat dan kebudayaan bangsa Jepun dengan lebih sempurna.[113] Dasar pemerintah Jepun memajukan pemuda-pemuda Asia diasaskan pada memperkuat semangat, percaya akan kekuatan diri sendiri dan berusaha dengan tekun, jujur dan rajin.[114] Lima orang penuntut dari Tanah Melayu, iaitu Ungku Abdul Aziz bin Abdul

---

[110] Anon, Nippon dan Islam dlm. *Fajar Asia* 2, 15 Nigatsu 2603, hlm. 36. Lih. juga Tuan Besar Colonel Okubo, Islam Dan Pedang dlm. *Fajar Asia* 4, 27 Sangatsu 2603, hlm. 100.

[111] Anon, Malai Sekarang dlm. *Semangat Asia* Bilangan 9, Kugatsu 2603, hlm. 3. Lih. juga Hanafy Tauyaku, Dasar Pendidikan Pemuda Nippon dlm. *Fajar Asia* 11 Hachigatsu 2603, hlm. 347. Lih. juga A. M. Pamunchak, Pendidikan dan Pengajaran di Nippon dlm. *Fajar Asia* 8, 31 Gogatsu 2603, hlm. 240-241. Lih. juga Shaharom Husain, *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hlm. 26-262.

[112] Tahamsi, Soal Pendidekan dlm. *Suara Timur* Jilid 1, Bilangan 2, Juichigatsu 2602, hlm. 6-7,18-19.

[113] Bung Sakura, Menuju Negri Matahari Terbit dlm. *Semangat Asia* Bilangan 7, Shichigatsu 2603, hlm. 27. Lih. juga Anon, Penuntut2 Kita Di-Nippon: Sudah Mulai Berlajar Dibeberapa Sekolah Tinggi dlm. *Semangat Asia* Bilangan 6, Rokugatsu 2603, hlm. 7. Lih. juga A. M. Pamunchak, Pendidikan dan Pengajaran di Nippon dlm. *Fajar Asia* 9, 28 Rokugatsu 2603, hlm. 281-282.

[114] Huseini Latif, Pemuda Dimasa Yang Akan Datang dlm. *Fajar Asia* 4, 27 Sangatsu 2603, hlm. 111.

Hamid, Ungku Muhsin bin Muhammad, Wan Abdul Hamid bin Mohd. Saleh, Salehah binti Haji Bakri dan Risna Mahyuddin merupakan wakil dari Tanah Melayu. Pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Melayu diseru untuk melanjutkan pengajian mereka di Jepun sebagai mengikut jejak langkah 5 orang pemuda dan pemudi Melayu ini.[115]

